

Najib seru sektor korporat tingkat penyertaan 30% wanita di peringkat pembuat keputusan

The Malaysian Insider

August 24, 2015

Oleh Mohd Farhan Darwis

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menyeru agar sektor korporat dan swasta meningkatkan penyertaan wanita sebanyak 30% dalam pembabitan mereka di peringkat pembuat keputusan.

Najib berkata, sektor awam sudah menunjukkan komitmen mereka apabila dasar yang menentukan sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan kini mencapai 33% sehingga Jun 2015.

"Hasil kegigihan kerajaan hari ini, saya dimaklumkan pada Jun 2015 baru-baru ini, angka penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor awam mencapai 33%, yakni melebihi sasaran," katanya, ketika berucap pada sambutan Hari Wanita Peringkat Kebangsaan 2015 ke-35 di Putrajaya petang tadi.

"Manakala bagi sektor korporat dan swasta pula, bagi tempoh sama, baru mencapai 15%. Justeru, saya menyeru kepada semua sektor korporat supaya menunjukkan komitmen penuh dan mengambil langkah sewajarnya untuk menaikkan peratusan tersebut agar menjadi 30%," kata ahli Parlimen Pekan itu.

Sambutan Hari Wanita Kebangsaan akan disambut setiap tahun pada 25 Ogos.

Najib turut mengumumkan, Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal juga sudah diluluskan Kabinet dan akan dilancarkan dalam masa terdekat.

Pelan berkenaan merangkumi aspek pembelaan wanita dalam ekonomi, pendidikan, kesihatan, perundangan dan sebagainya.

"Sebetulnya, kerajaan amat prihatin tentang nasib dan pembelaan kebajikan ke atas ibu tunggal.

"Mengikut Jabatan Perangkaan Negara, data rasmi ibu tunggal di Malaysia, hasil Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia bagi 2010 adalah 235, 240 orang," katanya.

Beliau turut mengulangi pengumumannya ketika pembentangan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) iaitu sasaran peningkatan penglibatan tenaga kerja wanita daripada 54% pada 2014 kepada 59% menjelang 2020.

Beliau berkata, komitmen kerajaan itu juga ditunjukkan melalui pelantikan 3 menteri dan 7 timbalan menteri daripada kalangan wanita dalam Kabinet 2015. – 24 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-seru-sektor-korporat-tingkat-penyertaan-30-wanita-di-peringkat-pembua>